



SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,  
TINGKAT 19,  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel. : 03-5514 2134 (Terus)  
: 03-5544 7042/7043/  
7045/7520  
Faks : 03-5510 3062

Rujukan kami: IPK. Sel. Pent.100-10/4/2/Jld.3 (5 )  
Tarikh: 23 Rabiul Awal 1438H  
23 Disember 2016

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.Bhg. Dato' Setia / Dato' / Datin Paduka / Tuan / Puan,

#### **SURAT HEBAHAN SUK BIL 4 TAHUN 2016**

#### **PENYERAGAMAN PENGGUNAAN MOTO SURAT MENYURAT RASMI BAGI JABATAN/AGENSI DI BAWAH PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan Surat Hebahan SUK.Bil. 11 Tahun 2013 yang telah diedarkan pada 1 April 2013 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 39/2016 pada 30 November 2016, Y.Bhg. Dato' Setia / Dato' / Datin Paduka / Tuan / Puan adalah diarahkan untuk menggunakan moto "**Membangun Bangsa Memakmur Negeri**" dalam Surat Menyurat Rasmi Kerajaan Negeri berkuat kuasa 1 Januari 2017.

**PENYERAGAMAN PENGGUNAAN MOTO SURAT MENYURAT RASMI BAGI  
JABATAN/ AGENSI DI BAWAH PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SELANGOR**

---

3. Sehubungan itu, kerjasama serta perhatian Y.Bhg. Dato' Setia / Dato' / Datin Paduka / Tuan / Puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATO' HAJI MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)  
D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.**